

Empat penganggur disyaki terlibat penyalahgunaan dadah diberkas

Posted on February 17, 2015, Tuesday



DICEKUP: Keempat-empat suspek dibawa ke Balai Polis Pusat Miri petang kelmarin untuk disoal siasat berhubung kes dadah.

MIRI: Empat penganggur disyaki terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah diberkas polis hasil serbuan di sebuah rumah di Taman Tunku di sini pagi kelmarin.

Berikutnya tangkapan itu, semua suspek berusia antara 23 hingga 38 tahun dibawa ke pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri untuk disoal siasat.

Menurut sumber, bertin-dak atas maklumat sepasukan polis BSJND Miri diketuai Sub-Inspektor Bakar Drah-man yang menjalankan Ops Tapis, menyerbu sebuah rumah di Jalan Lintang 1, Taman Tunku di sini.

Dalam serbuan sekitar jam 10.05 pagi itu, polis menahan empat lelaki kerana disyaki penagih dadah.

Polis yang turut melakukan pemeriksaan lanjut men-jumpai satu peket plastik lutsinar mengandungi ketu-lan-ketulan kristal dipercayai dadah berbahaya jenis syabu dengan anggaran berat 0.

57 gram di atas kusyen kerusi di ruang tamu rumah berk-enaan.

Barang disyaki dadah itu kemudian dirampas untuk dijadikan barang kes manakala semua suspek dibawa ke pejabat BSJND Miri menjalani ujian saringan air kencing.

Hasil ujian ke atas sampel air kencing keempat-empat suspek menunjukkan kesan positif dadah jenis amphetamine.

Sehubungan itu, mereka ditangkap mengikut Seksyen 12 (2) dan 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana memiliki dan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

